


KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN KEWANGAN
Aras 6-7, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8883 3269/3099/3362
Faks : 03-8883 4389/4364/4395
Web : <http://finance.moh.gov.my>



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO : QMS 02440

Ruj. Kami : (31)dlm.KKM.400-9/5/3 Jld.12
Tarikh : 12 November 2021

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

KUTIPAN BAYARAN UJIAN PENGESANAN COVID-19, KOS SARAAN (WARGANEGARA ASING) DAN KOS KUARANTIN BAGI PENGEMBARA YANG TIBA DI PINTU MASUK ANTARABANGSA MULAI 15 NOVEMBER 2021

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan sedia maklum, semua **warganegara Malaysia** yang masuk ke Malaysia melalui pintu masuk antarabangsa hanya perlu menjelaskan bayaran **kos kuarantin di stesen kuarantin**. Manakala, **warganegara asing** pula perlu **membuat bayaran penuh kos ujian pengesanan COVID-19, kos saraan (RM2,600.00) dan kos kuarantin** sama ada secara dalam talian (*MySafeTravel*) atau semasa di kaunter bayaran di pintu masuk antarabangsa.

3. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengumumkan **pengoperasian stesen kuarantin swasta mulai 15 November 2021** dan pemansuhan kenaaan kos saraan kepada warganegara asing. Selaras dengan pengumuman tersebut:

- (i) **Warganegara Malaysia** yang ingin balik ke Malaysia perlu membuat tempahan stesen kuarantin terus kepada stesen kuarantin pilihan masing-masing dan bayaran dibuat kepada stesen kuarantin tersebut;

- (ii) **Warganegara Malaysia** yang telah diberi pengecualian kos kuarantin seperti di **Lampiran A** perlu mengemukakan permohonan pengesahan pengecualian kepada pengecualicovid@moh.gov.my dan mendapat keputusan pengesahan pengecualian sebelum tiba di Malaysia; dan
- (iii) **Warganegara asing** perlu membuat tempahan stesen kuarantin dan membuat bayaran terus kepada stesen kuarantin pilihan masing-masing.

4. Sehubungan itu, **kutipan kos kuarantin dan kos saraan di pintu masuk antarabangsa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak perlu dilakukan mulai 15 November 2021**. Kos ujian pengesanan COVID-19 bagi pengembara warganegara asing hanya akan dikutip sekiranya ujian pengesanan COVID-19 tersebut dilakukan oleh fasiliti KKM.


5. YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah dimohon untuk memaklumkan PTJ di bawah seliaan masing-masing mengenai perkara ini. Kerjasama pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan berkaitan perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD AZMAN BIN ISMAIL)

Setiausaha Bahagian

Bahagian Kewangan

b.p. Ketua Setiausaha

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



LAMPIRAN A

Senarai Warganegara Malaysia Yang Layak Diberi Pengecualian Kos Kuarantin Di Bawah Perenggan 3, Peraturan-Peraturan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Layanan Perubatan Dan Penyaraan Orang Yang Dipindahkan Ke Stesen Kuarantin)(No.2) 2020

1. Pemegang Kad OKU yang dikeluarkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [*Akta 685*].
2. Warganegara Malaysia daripada golongan B40.
3. Warganegara Malaysia yang merupakan ibu, bapa, suami, isteri atau anak yang berumur 18 tahun ke bawah, kepada warganegara Malaysia daripada golongan B40 yang pulang dari luar negeri bersama-sama dengan warganegara Malaysia daripada golongan B40 itu.
4. Pelajar yang merupakan warganegara Malaysia daripada golongan B40.
5. Kanak-kanak yang merupakan warganegara Malaysia yang berumur enam tahun dan ke bawah.
6. Kanak-kanak yang merupakan warganegara Malaysia yang berumur dua belas tahun dan ke bawah yang pulang dari luar negeri seorang diri.
7. Warganegara Malaysia yang pulang ke Malaysia sebaik sahaja dibebaskan dari penjara di luar negara yang tidak mampu membayar kos dan perbelanjaan di stesen kuarantin atau tiada pendapatan.



SENARAI EDARAN

1. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah
05400 Alor Setar
Kedah

2. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
15590 KOTA BHARU
KELANTAN

3. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
Tingkat 3, 4, dan 5, Wisma Persekutuan
Jalan Business City, Bandar MITC
75450 AYER KEROH
MELAKA

4. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30590 IPOH
PERAK

5. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Tingkat 3, Rumah Persekutuan, Jalan Mat Salleh
88590 KOTA KINABALU
SABAH

6. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Tingkat 9, 10, 11 & 17, Wisma Sunway
No. 1, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C
Seksyen 9,
40100 SHAH ALAM
SELANGOR



7. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako
93050 Kuching
SARAWAK

8. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Jalan IM4, Bandar Indera Mahkota
25582 Kuantan
PAHANG

9. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail
20920 Kuala Terengganu
TERENGGANU

10. Pengarah
Jabatan Kesihatan Pulau Pinang
Bangunan MARA,
No. 33, Jalan Pangkalan Weld
10300 PULAU PINANG

11. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Jalan Raja Syed Alwi
01000 Kangar
PERLIS

12. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
Jalan Rasah,
70300 Seremban
NEGERI SEMBILAN



13. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Wisma Persekutuan, Jalan Air Molek
80590 JOHOR BHARU
JOHOR

14. Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan
Putrajaya
Jalan Cenderasari
50590 KUALA LUMPUR

15. Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
Peti Surat 80832
87018 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN